

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 JANUARI 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 32

Harap tiada lagi halangan laksana Kedah Aerotropolis - Muhammad Sanusi

Harap tiada lagi halangan laksana Kedah Aerotropolis - Muhammad Sanusi

ALOR SETAR - Kerajaan negeri Kedah berharap tiada lagi halangan untuk negeri itu melaksanakan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) yang kini dijenamakan kepada Kedah Aerotropolis.

Pengerusi KXP AirportCity yang juga Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, kerajaan negeri melalui konsultan dilantik telah menyelesaikan penyelesaian laluan udara bagi projek Kedah Aerotropolis itu.

Katanya, beliau telah mendengar taklimat teknikal daripada konsultan yang mengemukakan semua laporan dari segi kewangan, guna tanah, teknikal dan aktiviti yang diperlukan untuk menjayakan Kedah Aerotropolis.

"Semua aspek yang diperlukan untuk pembinaan Kedah Aerotropolis telah kita siapkan dan proses pengambilan tanah juga sudah diuruskan. Jadi, saya nak maklum-

kan kita telah mencapai tahap yang begitu memberangsangkan bagi menjayakan Kedah Aerotropolis.

"Harap tidak ada apa-apa lagi yang menghalang kita daripada menjayakan rancangan besar ini. Laporan udara tentang laluan penyesuaian bersama dengan lapangan terbang negeri jiran termasuklah pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Butterworth juga diselesaikan dengan baik dan sempurna," katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Pos Aviation dan KLIA College di Wisma Darul Aman di sini pada Ahad.

Tambah Muhammad Sanusi, lebih penting adalah pandangan dan penyertaan pemain industri dalam projek Kedah Aerotropolis yang mana ia telah memasuki fasa pemasaran di peringkat antarabangsa dan juga domestik.



Muhammad Sanusi (tengah) menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Pos Aviation dan KLIA College di Wisma Darul Aman, Alor Setar pada Ahad.